

THE 4TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON ECONOMICS (ICE2023)



KERJASAMA: Kasim (dua kanan) dan Hashim pada majlis menandatangani MoA.

UMS-SEDIA meterai MoA

Bantu kerajaan rancang pembangunan ekonomi
UB 02.12.2023 P.08

KOTAKINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani perjanjian persefahaman (MoA) bersama Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dalam usaha merencanakan pembangunan ekonomi negeri.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, melalui kerjasama itu UMS akan membekalkan tenaga pakar dan para penyelidik bagi menjalankan penyelidikan berkaitan ekonomi.

Katanya, UMS mempunyai kebolehan serta kepakaran dalam pelbagai bidang yang dapat membantu SEDIA dan Sabah merencanakan pembangunan ekonomi yang dapat memanfaatkan masyarakat di negeri ini.

“UMS sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di Sabah sentiasa bersedia membantu kerajaan negeri dalam memberikan saranan, cadangan, analisis yang konkrit dan kritikal bagi membantu para pemegang taruh serta membuat dasar berdasarkan idea daripada penulisan akademik.”

“UMS juga sentiasa menjalankan kajian bersama Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) secara berterusan agar pembangunan itu dapat dirasakan oleh semua masyarakat secara keseluruhan,” ujarnya.

Kasim berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Ekonomi 2023 (ICE 2023) anjuran FPEP UMS, baru-baru ini.

Majlis menandatangani MoA disempurnakan oleh Kasim dan Ketua Eksekutif

SEDIA, Datuk Seri Panglima Hashim Pajian sambil disaksikan oleh Pendaftar UMS Luqman Ridha Anwar dan Naib Presiden SEDIA, Dr. Chong Vun Leong.

Penganjuran ICE 2023 dengan tema ‘Membina Masa Depan yang Mampan: Menavigasi Realiti Persekitaran Ekonomi, Cabaran Sosial dan Tadbir Urus’ disertai oleh hampir 100 peserta daripada agensi kerajaan, industri, ahli akademik institut pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia.

Persidangan selama dua hari dengan kerjasama SEDIA, IDS dan Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA) itu turut disertai oleh ahli akademik universiti antarabangsa seperti Indonesia, Filipina, China dan Jepun.